

10/07/1998

Isu nepotisme sudah selesai

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu nepotisme dan kronisme yang didakwa wujud di negara ini sudah selesai kerana semua pihak berpuas hati dengan penjelasan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menjelaskan bahawa keadaan di Indonesia berbeza dengan Malaysia. Justeru, tiada amalan nepotisme dan kronisme berlaku di negara ini.

Menurutnya, penjelasan juga sudah dibuat dengan mengemukakan butir-butir yang berkenaan dan berpandukan kepada senarai mereka yang menerima saham dan sebagainya seperti yang diedarkan kepada perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno lalu.

"Yang buat dakwaan itu ialah pihak asing dan akhbar-akhbar asing. Ada juga prasangka di kalangan Pemuda (Umno).

"Bagaimanapun, Datuk Zahid (Hamidi) juga sudah tidak percaya bahawa ada amalan nepotisme dan kronisme di Malaysia setelah penjelasan dan pendedahan dibuat.

"Zahid juga sudah memberi penjelasan mengenai perkara itu. Jadi, saya rasa isu ini sudah selesai," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini.

Hadir sama Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin tertinggi Umno lain.

Dalam ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno lalu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mendakwa bahawa wujudnya amalan nepotisme dan kronisme di negara ini.

Zahid yang hadir pada mesyuarat MT malam ini turut menjelaskan dalam sidang akhbar berkenaan bahawa isu itu sudah selesai.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa persoalan nepotisme turut dibangkitkan oleh Pas dalam pilihan raya kecil bagi kawasan Parlimen Arau yang mana adik Menteri Besar Perlis, Ismail Kassim, dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN).

"Tetapi itu cuma kebetulan. Kalau ada calon yang lebih baik kita akan pilih juga. Tetapi adik Shahidan (Menteri Besar Perlis, Datuk Shahidan Kassim) juga mendapat undi yang tinggi," katanya yang tidak menganggap isu itu sebagai punca kekalahan BN.

Sebaliknya, beliau yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN menganggap antara faktor kekalahan BN ialah tumpuan besar yang diberikan oleh Pas dalam pilihan raya itu, termasuk menggunakan pelajar dan menghantar ramai penyokong untuk berkempen dari rumah ke rumah.

"Mereka menghantar jentera yang besar dari Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah untuk berkempen.

"Saya rasa Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat) juga berada di sana sepanjang masa," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, keyakinan yang berlebihan oleh BN juga menyebabkan kempenya agak lemah.

"Dengan ini, Pas dapat menawan pemikiran pengundi," katanya sambil menganggap kekalahan itu tidak menggambarkan kekuatan Pas semakin besar di utara Semenanjung.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menganggap, kekalahan itu juga mempunyai kebaikan kerana ia menjadi peringatan kepada BN supaya lebih bersemangat, bersatu padu dan bekerja keras untuk memastikan kemenangan pada masa depan.

Mengenai wujudnya pembelot dalam pilihan raya kecil itu, beliau berkata

ada golongan tertentu yang tidak berpuas hati mengenai beberapa perkara, tetapi mereka tidak boleh dikatakan pembelot.

"Kita akan adakan post-mortem mengenai pilihan raya kecil itu dan Datuk Shahidan akan mengemukakan laporan," katanya.

(END)